

Gesa pinda Akta Kerja 1955

MTUC mahu majikan gagal bayar faedah dalam bentuk kewangan jadi kesalahan jenayah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta Kementerian Sumber Manusia meminda Akta Kerja 1955 secara menyeluruh bagi melindungi penindasan pekerja, termasuk tidak dibayar gaji oleh majikan.

Setiausaha Agungnya, Kamarul Baharin Mansor, berkata kegagalan membayar faedah berbentuk kewangan perlu dijadikan sebagai kesalahan jenayah untuk membolehkan majikan ditangkap dan dihukum berat.

"Hak pekerja dalam suasana ini semakin terhakis disebabkan oleh pelanggaran un-

dang-undang oleh majikan.

"Gaji dan pampasan sewajarnya pekerja peroleh, tidak diberikan dengan alasan majikan mengalami masalah kewangan disebabkan pandemik COVID-19 dan tindakan ini menjadi satu budaya baharu kepada majikan.

"MTUC tidak mahu kejadian pekerja membunuh diri kerana kegagalan majikan membayar gaji. Kewujudan e-wages yang dibangunkan untuk membolehkan pekerja membuat aduan berkaitan gaji, tidak akan bermakna jika penguatkuasaan tidak dilakukan," katanya dalam kenyataan perutusan Hari Pekerja 2021 semalam.

Kamarul Baharin berkata, pekerja dalam industri gig semakin meningkat dalam suasana pandemik, namun keadaan pekerjaan dalam industri ini amat menyedihkan, terutama dari segi faedah kepada pekerja.

"Kerajaan perlu mengambil tindakan serius sebelum rasa ketidakpuasan hati tercetus terhadap syarikat. Kerajaan tidak perlu terlalu berlembut terhadap majikan dalam industri ini.

"Kematian (pekerja) yang semakin tinggi perlu dilihat sebagai isyarat bahawa industri gig bermasalah dan perlu campur ta-

ngan segera kerajaan," katanya.

Kamarul Baharin berkata, MTUC mendesak kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi mengimbangi jurang gaji antara kumpulan pengurusan dan pekerja yang semakin ketara.

Sementara itu, Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI MLC) mencadangkan 10 perkara perlu diberi perhatian kerajaan dan majikan bagi memelihara kepentingan serta kebajikan pekerja meneruskan kelangsungan hidup ketika berdepan pandemik COVID-19.

Presidennya, Datuk Mohamed Shafie BP Mammal, berkata perkara pertama ialah mengadakan sesi libat urus bersama pemimpin kesatuan sekerja semua peringkat secara berkala bagi mendengar keluhan dan pandangan pekerja.

Beliau berkata, tawaran gaji atau upah terlalu rendah dan tidak munasabah mengakibatkan pekerja berdepan dengan bentuk tekanan serius.

Katanya, perkara ketiga perlu diberi perhatian, iaitu menguat kuasa mekanisme kawalan harga barang yang lebih cekap dan mesra rakyat bagi menangani kesan kenaikan kos sara hidup.

Mohamed Shafie berkata, seterusnya, pemimpin parti perlu menghindari politik melampau dan tidak menggesa pilihan raya diadakan dalam waktu terdekat.

Beliau berkata, majikan hendaklah menghormati semangat perhubungan perusahaan yang harmoni dan perjanjian bersama.

Selain itu, katanya, perlu ada penyelesaian segera bagi mengkaji semula kadar bayaran pencen terlalu rendah yang diterima lebih 100,000 pesara syarikat berkaitan kerajaan (GLC), susulan program penswastasaan pada 1980-an dan 1990-an.

Perkara seterusnya, beliau berkata, ialah usaha menyeluruh untuk menangani isu integriti dan rasuah sektor awam dan swasta pada semua peringkat, penyediaan kerangka perundangan menyeluruh bagi keselamatan sosial, pasaran pekerjaan dan buroh dengan mengambil kira kesan COVID-19.

Mohamed Shafie berkata, dua perkara terakhir ialah merangka satu pelan atau model ekonomi baharu dengan mengambil kira kesan yang dicetuskan COVID-19 serta memberi imej baharu hubungan kerajaan dan kesatuan sekerja.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sedia berkongsi pandangan serta terbabit secara langsung dalam mengambil bahagian bagi mengkaji penetapan gaji minimum pekerja, terutama membabitkan sektor perkhidmatan awam.

Presidennya, Adnan Mat, berkata andaian kos sara hidup akan meningkat sekiranya gaji rakyat dinaikkan tidak boleh diterima kerana itu hanya alasan majikan bagi mengaut keuntungan melalui pekerja.

“Hak pekerja dalam suasana ini semakin terhakis disebabkan oleh pelanggaran undang-undang oleh majikan”

Kamarul Baharin
Mansor,
Setiausaha
Agung MTUC



“Tawaran gaji atau upah terlalu rendah dan tidak munasabah mengakibatkan pekerja berdepan dengan bentuk tekanan serius”

Mohamed Shafie
BP Mammal,
Presiden UNI MLC



“Andaian kos sara hidup akan meningkat sekiranya gaji rakyat dinaikkan tidak boleh diterima kerana itu hanya alasan majikan”

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS

